

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[ BETONG ]****TARIKH : 6.3.2018 (SELASA)****SOALAN :****Dato' Sri Douglas Uggah Embas [ Betong ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah mekanisme penyaluran dana sebanyak RM1 billion kepada Sarawak yang diumumkan semasa pembentangan bajet 2018 untuk kerja baik pulih bangunan sekolah yang uzur dan daif; dan
- (b) memandangkan banyak sekolah daif yang disasar untuk program ini terletak di kawasan terpencil di luar bandar, kaedah baik pulih menggunakan model Industrial Building System (IBS) ini mungkin tidak sesuai untuk keadaan tersebut. Adakah Kerajaan dapat memberi kelonggaran menggunakan model alternatif dan adakah Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak diberi peranan dan kuasa dalam pengurusan dana yang diagihkan kepada negeri Sarawak bagi program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penyaluran peruntukan yang diumumkan semasa pembentangan bajet 2018 bagi pelaksanaan projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan Surat Kuasa Belanja (SKB) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

akan menurunkan peruntukan kepada JKR Malaysia dan seterusnya akan disubwaran kepada JKR Sarawak.

- (b) KPM terikat dengan pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang mewajibkan semua agensi kerajaan mempertingkatkan kandungan komponen IBS bagi setiap projek kerajaan pada tahap tidak kurang daripada 70 peratus. Sebarang cadangan penggunaan model alternatif selain IBS perlu dirujuk dan mendapat kelulusan agensi pusat.

RJM03